

CNS7484

U GB 20-11 00183 BA911

BAH

Mahathir - Kabinet

PERDANA MENTERI JALAN TUGAS MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PETALING JAYA, 20 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bahawa beliau kini turut menjalankan tugas Menteri Pembangunan Luar Bandar yang dikosongkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, bulan lepas.

"Tidak ada masalah. Kita (kabinet) boleh buat semua kerja. Kita pun ada pasukan tetapi pasukan kita ialah kabinet," kata Perdana Menteri ketika ditanya pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-13 Koperasi Usaha Bersatu (KUB) di Subang Jaya, dekat sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, ditanya pemberita bila beliau akan merombak kabinetnya bagi mengisi kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar selepas Ghafar meletakkan kedua-dua jawatan itu pada 15 Okt lepas.

"Saya mempunyai banyak masa lagi. Saya tidak perlu tergesa-gesa," katanya sambil membilang jari sebagai tanda beliau mempunyai banyak masa lagi untuk memikirkan soal rombakan kabinetnya itu.

Ghafar turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri itu pada 30 Sept. -- Lagi.

▼20/11/15-19MST

U GB 20-11 00154 BA912

BAH

Mahathir - Kabinet 2 (Akhir) Petaling Jaya

Jawatan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sabah sudahpun diisi Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Sakaran Dandai, pada 9 Okt.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung BN pada 25 Okt diikuti jawatan Timbalan Presiden UMNO pada 1 Nov, selepas mengumumkan tidak mempertahankan jawatan berkenaan pada 21 Okt.

Jawatan Timbalan Presiden UMNO sekarang disandang Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada 4 Nov lepas apabila beliau menang tanpa bertanding selepas Ghafar tidak mempertahankan jawatan itu pada Perhimpunan Agung UMNO awal bulan ini.

Ketika ditanya sama ada beliau pernah menemui Ghafar selepas Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Dr Mahathir berkata: "Tidak".

Bagaimanapun, katanya, Ghafar kini berada di luar negara dan beliau berharap dapat menemui bekas Timbalan Perdana Menteri itu apabila Ghafar kembali ke tanahair sedikit masa lagi. -- Bernama.

AH KAM.